

25/02/2002

Majlis Perundingan Ulama akan bantu kerajaan laksana syiar Islam

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Perundingan Ulama Negara (MPUN) akan ditubuhkan bagi memberi nasihat serta pandangan mengenai sebarang dasar kerajaan dan perkara berkaitan perkembangan syiar Islam, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, majlis itu akan menjadi forum bagi ulama dan kerajaan untuk berbincang dan bertukar pandangan berhubung pelbagai perkara demi kepentingan Islam dan umatnya.

"Kita tidak mahu lagi mana-mana pihak menuduh Umno, kerajaan atau Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai antiulama. Tuduhan ini cukup melampau," katanya ketika berucap pada majlis ibadah korban anjuran Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekidar) cawangan Kampung Baru di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Abdullah turut mengagihkan daging korban kepada penduduk di kawasan Parlimen Titiwangsa.

Bercakap kepada pemberita pula, Abdullah berkata, penubuhan MPUN diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Jumaat lalu dan fungsinya tidak bertindih dengan Majlis Fatwa Kebangsaan.

"Saya ingin menjelaskan bahawa penubuhan majlis perundingan ulama ini, tidak akan menjadi saingan, tidak akan berupa satu majlis yang memperkecil atau mengeneipikan peranan Majlis Fatwa Kebangsaan.

"Majlis Fatwa kebangsaan ada kuasa mengeluarkan fatwa, manakala majlis perundingan ulama negara bukanlah satu majlis untuk mengeluarkan fatwa... tetapi bagi memberi pandangan mengenai apa yang perlu dilaksanakan," katanya.

Melalui kaedah itu, katanya, sebarang cadangan yang berkaitan dengan fatwa akan dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan supaya satu fatwa boleh dikeluarkan.

Beliau berkata, MPUN juga akan dianggotai ulama berwibawa, berpengetahuan luas dan pakar dalam pelbagai bidang keagamaan tetapi tidak terikat dengan sebarang pendirian politik kepartian.

Katanya, butiran lanjut mengenai penubuhan badan baru itu akan dibincangkan dengan Perdana Menteri sebaik saja Dr Mahathir kembali ke tanah air.

"Saya menganggap ini satu pendekatan yang penting dan kita perlu segerakan penubuhannya. Saya akan maklumkan kepada Perdana Menteri sebaik beliau kembali ke tanah air. Ini adalah satu pandangan daripada MT Umno.

"Mesyuarat MT (Jumaat lalu) membincangkan mengenai tuduhan yang dilemparkan terhadap presiden parti kononnya beliau pemimpin yang memusuhi dan tidak suka kepada ulama.

"Ini adalah satu tuduhan yang berat dan keterlaluan kerana mereka di sana (pembangkok) tidak begitu mengenali Dr Mahathir," katanya.

Ditanya sama ada MPUN akan diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Abdullah berkata, butiran lanjut mengenai perkara itu akan dibincangkan dengan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, keanggotaan MPUN tidak terhad tetapi tidak juga terlalu ramai dan akan mengelak daripada penyertaan ulama yang ada kepentingan politik supaya setiap pandangannya nanti tidak dipengaruhi pendirian seumpama itu.

Beliau berkata, penubuhan MPUN juga tidak bermakna hubungan ulama dan kerajaan terutama Umno semakin serius dan gagal dikawal.

"Saya tidak kata ia tidak terkawal tetapi jika kita tidak berbuat

sesuatu, mungkin situasi ini nanti bertambah buruk.

Mungkin kerana itu menimbulkan reaksi yang kurang menyenangkan di kalangan rakyat, dengan macam-macam pandangan yang diberikan mengenai sesuatu isu... yang tercetus atau sengaja dicetuskan," katanya.

Abdullah berkata, sebenarnya kepemimpinan dan ahli Umno keseluruhannya termasuk Dr Mahathir, mesra dengan ulama yang tidak diketahui oleh sesetengah pihak sehingga sanggup melemparkan pelbagai tuduhan seperti anti ulama.

"Barisan kepemimpinan termasuk ahli Umno, mesra dengan ulama, sentiasa menghargai peranan ulama dan mendapat panduan ulama dalam banyak hal berkaitan dengan kemajuan ummah dan masa depan mereka dan negara.

"Pada hari ini pun, amalan ini adalah satu amalan yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir dari dulu kerana saya juga berada dalam mesyuarat-mesyuarat, perbincangan yang diadakan mengenai pelbagai perkara yang perlu kita mendapat pandangan mereka (ulama)," katanya.

Oleh itu, katanya, Umno berpendapat adalah baik jika pendekatan itu dilakukan menerusi badan tertentu, seperti penubuhan MPUN, sebagai satu pendekatan yang berterusan.

Katanya, ulama yang akan dijemput menyertai MPUN adalah yang berwibawa, berilmu tinggi, ada kepakaran dalam bidang tertentu, seperti fiqah, serta pakar dalam al-Quran dan hadis.

"Jadi apabila ada satu perkara yang perlu kita mendapat pandangan ulama, maka bolehlah dijalankan (menerusi MPUN). Sekarang pun kita melakukan pendekatan ini tetapi tidak diberitahu kepada orang awam.

"Oleh sebab orang awam tak tahu, maka mereka mengandaikan kita ini tidak kisah langsung, Perdana Menteri tak kisah langsung kepada ulama. Tanggapan inilah kita harap akan dapat dihapuskan," katanya.

(END)